

Tindakan negara maju perlu dipersoal — PM

(P) U.M. 13 JAN 1993
KUALA LUMPUR, 12 Dis. — Perdana Menteri (Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad) berkata, tindakan negara-negara maju memaksa negara-negara membangun menerima nilai dan standard yang mereka gunakan dalam soal pencegahan jenayah perlu dipersoalkan.

Katanya, standard dan nilai-nilai yang digunakan oleh negara-negara maju dalam perkara tersebut tidak semestinya sesuai dengan cara dan keinginan negara-negara membangun.

"Malah rekod-rekod kejadian jenayah di negara-negara maju tidak menunjukkan keberkesanan standard itu dan nilai-nilai yang mereka gunakan tidak semesti berakhir dengan keputusan yang baik," kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri berkata demikian semasa berucap merasmikan penubuhan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) di sini hari ini.

"Kita mempunyai alasan untuk mengesyaki daripada beberapa peristiwa yang berlaku dan contoh-contoh yang ada bahawa tindakan negara-negara maju itu bukan semua berniat baik," katanya.

Dr. Mahathir berkata, semua negara perlu menunjukkan kesungguhan tulus dalam usaha sejagat memerangi jenayah yang melibatkan lintasan sempadan antara negara terutama pengedaran dadah.

"Kepantasan pengangkutan dan komunikasi moden di samping kepintaran melakukan sesuatu jenayah, menyebabkan pasaran boleh ditembusi

dengan mudah dan sukar untuk pihak berkuasa mengesan mereka," katanya.

Menurut beliau, teknologi moden mungkin memanfaatkan masyarakat tetapi penggunaannya oleh penjenayah memungkinan penjenayah itu memindahkan operasi jenayah menyeberangi sempadan antara negara.

Kelemahan

"Mereka juga mengambil kesempatan daripada kelemahan undang-undang dan sikap tidak tegas sesetengah kerajaan terutama yang berkait dengan peraturan bank," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata, tiada satupun agensi penguatkuasaan dari mana mana negara mampu bertindak secara sendiri dengan berkesan terha-

dap cabaran baru ini kerana aspek ini memerlukan kerjasama antarabangsa untuk memeringinya.

Katanya, ketika dunia memasuki dekad terakhir abad ke-20, jenayah perdagangan dan jenayah berkaitan penipuan menjadi semakin canggih dengan kepesatan teknologi komputer dan telekomunikasi.

Perdana Menteri berharap MCPF yang dirasmikan penubuhannya hari ini akan menggembelng tenaga pakar-pakar pencegahan jenayah ke arah mewujudkan suasana negara yang bebas daripada jenayah.

Katanya, korporat juga perlu membantu menyediakan sumber-sumber bagi membiayai usaha mewujudkan kemakmuran tanpa jenayah.